



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PROJEK RUMAWIP RESIDENSI LANAI BUKITJALIL MENAWARKAN PEMANDANGAN DAN SUASANA MENARIK

**KUALA LUMPUR, 23 Januari 2017** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Projek RUMAWIP Lanai Bukit Jalil. Projek RUMAWIP Lanai Bukit Jalil ini merupakan projek di bawah Dasar RUMAWIP yang dibangunkan secara sepenuhnya atau 100% di atas tanah swasta persendirian berstatus pegangan kekal oleh Berjaya Golf Resort Berhad dalam membangunkan rumah mampu milik pada harga RM300,000.00 seunit kepada golongan yang memerlukan.

2. Sejumlah 648 unit pangsapuri ditawarkan dengan keluasan 800 kaki persegi bagi setiap unit yang mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air serta petak parkir berbumbung. Projek yang dilengkapi dengan sistem keselamatan 24 jam dan sistem pengawasan CCTV ini merangkumi 1 buah blok pangsapuri setinggi 24 tingkat dilengkapi dengan kemudahan yang lengkap seperti ruang tadika, kedai, taman permainan kanak-kanak, kemudahan serba guna, surau, dobi, ruang bilik permainan dan bilik persalinan.

3. Terletak di lokasi yang sangat strategik dengan kemudahan yang menghubungkan jalan raya utama di sekitarnya seperti Lebuhraya Maju Expressway (MEX), Lebuhraya Bukit Jalil, Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA), Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2). Selain itu, akses kepada pengangkutan awam juga adalah berhampiran dengan stesen LRT Sri Petaling, Bukit Jalil, Awan Besar, Stesen KTM dan Stesen MRT. Kemudahan lain seperti pusat perniagaan, institusi kewangan, sekolah dan universiti, pusat membeli belah, pusat konvensyen dan lain-lain memberi kelebihan kepada pemilik di sini.

4. Cabutan undi yang dijalankan ini melibatkan sebanyak 648 unit keseluruhannya di mana pemohon yang berjaya akan membuat cabutan undi bagi menentukan unit kediaman yang akan dimiliki. Sebahagian pembeli yang bertuah dalam pengundian pada hari ini akan dapat menikmati pemandangan menarik dari unit mereka kerana berhampiran dengan Berjaya Golf Resort. Projek ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan menyasarkan pembangunan sebanyak 80,000 unit rumah di seluruh Wilayah Persekutuan dalam tempoh 5 tahun ini. Setiap projek RUMAWIP yang dibina di bawah Dasar RUMAWIP adalah tertakluk kepada sekatan moratorium selama 10 tahun yang mana setiap unit yang dibeli tidak boleh dijual kepada pihak lain sebelum tamat tempoh 10 tahun moratorium tersebut.
5. Melalui pelaksanaan RUMAWIP ini akan memberikan kelebihan kepada penduduk Wilayah Persekutuan untuk memiliki rumah sendiri dengan tawaran harga lebih murah dari pasaran semasa. Projek RUMAWIP ini juga merupakan perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi memastikan golongan sasaran memiliki kediaman sendiri yang kondusif melalui kerjasama oleh pihak swasta. KWP akan memastikan pelaksanaan projek rumah mampu milik berjalan lancar sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan di samping berusaha ke arah membantu menjayakan pembinaan rumah tersebut bagi mencapai sasaran Kerajaan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
23 Januari 2017  
Kuala Lumpur